

08 MAY 1999

Sabbaruddin-pita

MUNGKIN ADA YANG TIDAK KENA DENGAN UCAPAN FAUZI, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Setiusaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata ada sesuatu yang tidak kena dengan ucapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman sehingga mendorong Badan Perhubungan Umno Kelantan menyerahkan pita rakaman ucapan itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Fauzi menyampaikan ucapan itu ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Tumpat Jumaat lepas.

"Mesti (ada) keraguan barangkali...kalau ucapan biasa buat apa nak serahkan pita rakaman ucapan kepada Presiden parti," katanya kepada pemberita di sini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa semalam berkata bahawa pita rakaman ucapan Fauzi itu diserahkan kepada Dr Mahathir kerana ucapannya itu dipercayai bertentangan dengan dasar parti.

Annuar berkata pita rakaman ucapan Fauzi yang dikatakan memihak kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu diserahkan semasa jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti bersidang beberapa hari lepas.

Bagaimanapun Sabbaruddin berkata beliau tidak dapat menyatakan isi kandungan ucapan Fauzi itu kerana belum mendengar rakaman itu.

"Saya hanya mengetahui tentang perkara itu menerusi laporan akhbar," katanya.

Terdahulu ketika berucap merasmikan pertandingan fotografi antarabangsa anjuran Palace of Golden Horses di sini, Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata orang ramai perlu menilai diri sendiri sekiranya tidak mahu orang asing merakamkan perkara yang jelek mengenai mereka atau negara ini seperti persekitaran yang kotor.

"Kita memang mengharapkan pelancong asing mengambil gambar tentang kecantikan alam sekitar serta keunikan budaya masyarakat dan bangunan sejarah, tetapi kita juga tidak boleh menghalang mereka daripada mengambil gambar sampah sarap atau perkara lain yang negatif," katanya.

Beliau menyambut baik usaha sektor swasta mempromosikan keindahan alam dan budaya masyarakat negara ini menerusi pertandingan fotografi.

Sebanyak 300 peserta dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam pertandingan itu yang menawarkan hadiah utama RM10,000.

--BERNAMA

AKT MAI